

12 DEC 2000

Negara-Ihsan

WANG IHSAN TENTUKAN RAKYAT TERENGGANU TERBELA

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Program pemberian wang ihsan yang tidak disalurkan kepada kerajaan negeri Terengganu bertujuan memastikan ia dibelanjakan sepenuhnya bagi faedah rakyat, bukan untuk tujuan politik, demikian persidangan Dewan Negara diberitahu hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan Hashim Ismail berkata Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) yang ditubuhkan bagi mengendalikan penyaluran wang ihsan itu akan memastikan ia dilakukan secara telus dan semua golongan rakyat akan mendapat manfaat tanpa mengira fahaman politik.

Ketika menjawab soalan tambahan Senator Rosli Mat Hassan mengenai tindakan protes terhadap pemberian wang ihsan oleh parti pembangkang di Terengganu yang kini semakin berleluasa, Hashim berkata Kerajaan Pusat kesal dengan tindakan yang cuba mengelirukan pemikiran rakyat itu.

Beliau berkata parti pembangkang cuba mencetuskan kebencian penduduk Terengganu terhadap Kerajaan Pusat seolah-olah hak mereka dinafikan, sedangkan sasaran wang ihsan itu adalah terus kepada rakyat yang memerlukannya.

Menurut Senator Rosli, Terengganu kini seolah-olah dalam pilihan raya dengan kain rentang dipasang di merata-rata tempat yang mengandungi pelbagai kata-kata kesat serta tohmahan terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Kerajaan Pusat dan UMNO sebagai protes terhadap program pemberian wang ihsan.

Hashim berkata menerusi wang ihsan, setiap rakyat Terengganu akan terbela dan tidak akan terpinggir kerana konsepnya yang luhur dan tidak bermotifkan politik.

Beliau berkata JPP mempunyai garis panduan yang jelas bagi menyalurkan bantuan menerusi pelbagai program termasuk program khas rakyat miskin, program pembangunan sektor pendidikan, program khas sektor pertanian, program khas sektor luar bandar dan program khas pembangunan usahawan.

"Ini bermakna wang ihsan merupakan satu pemberian bantuan khas yang menyeluruh kepada rakyat negeri itu dan tidak ada yang akan terpinggir kerana berlainan fahaman politik," katanya.

Ketika menjawab soalan asal Senator Datuk Kasim Mh. Yusop mengenai pemberian wang ihsan kepada negeri lain, beliau berkata Kerajaan Pusat belum bercadang berbuat demikian kerana negeri lain turut menikmati faedah hasil petroleum dalam bentuk peruntukan tahunan yang disalurkan kepada kerajaan-kerajaan negeri serta agensi berkaitan.

Kepada soalan Senator Siti Zailah Mohd Yusof mengenai jadual pembayaran geran kepada kerajaan negeri Kelantan, Hashim berkata kali terakhir pembayaran itu dibuat ialah pada 15 Sept tahun ini sebanyak RM54.96 juta. Baki sebanyak RM25.49 juta lagi akan dibayar tidak lama lagi.

-- BERNAMA

AKT NMO